

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI
[BUKIT BENDERA]**

TARIKH : 18.5.2015

SOALAN :

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengapa peperiksaan pusat amali sains bagi Fizik, Kimia, Biologi dan Sains Tambahan SPM yang sepatutnya dilaksanakan tahun ini telah ditangguhkan sehingga tahun 2016.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jawatankuasa *Task Force* Amali Sains dalam Mesyuarat *Task Force* Amali Sains Bil.1/2015 pada 13 Januari 2015 telah membuat keputusan menangguhkan pelaksanaan Peperiksaan Pusat Amali Sains mata pelajaran *Physics* (Kod 4531), *Chemistry* (Kod 4541), *Biology* (Kod4551) dan *Additional Science* (Kod 4561) bagi Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mulai tahun 2015 kepada tahun 2016 kerana masalah kerosakan makmal sains di sekolah-sekolah yang terlibat dengan banjir.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kebanyakan sekolah di beberapa negeri yang ditenggelami air, atau digunakan sebagai Pusat Pemindahan Sementara semasa bencana banjir besar pada akhir tahun 2014, telah mengalami kerosakan termasuklah makmal sains.

Keadaan tersebut mewujudkan telah menyebabkan suasana tempat bagi pembelajaran dan pengajaran (PdP) kurang kondusif. Kerosakan makmal sains tersebut juga telah menjejaskan pelaksanaan PdP yang berbantuan amali di makmal sains dan secara tidak langsung menjejaskan persediaan sekolah untuk melaksanakan peperiksaan amali sains pada bulan Oktober 2015.

Kementerian juga mengambil kira bahawa penanguhan pelaksanaan Peperiksaan Pusat Amali Sains mulai tahun 2015 adalah untuk memastikan keputusan SPM 2015 bagi mata pelajaran *Physics* (Kod 4531), *Chemistry* (Kod 4541), *Biology* (Kod 4551) dan *Additional Science* (Kod 4561) tidak terjejas yang sudah pasti akan merugikan murid itu sendiri terutama sekolah yang terlibat dengan bencana banjir.

RJM05